

01 NOV 1997

Mahathir-pameran

G15 TAK BOLEH PASIF, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan negara-negara G15 bergantung kepada keupayaan mereka memahami perubahan dalam pasaran sejagat dan mempengaruhi perubahan ini untuk kebaikan mereka.

Mereka tidak boleh pasif dan menerima apa saja yang dibebankan kepada mereka, kata Perdana Menteri ketika merasmikan Pameran Perdagangan G15 dan Pameran Barangan Malaysia di sini.

"Kita telah menyaksikan bagaimana satu dasar liberal dalam urus niaga mata wang dan saham telah mengakibatkan berlakunya salah guna hingga menjejaskan hasil usaha bertahun-tahun untuk membangunkan negara-negara Asia Tenggara," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, negara-negara G15 perlu lebih berwaspada.

Sebanyak 144 syarikat dari negara-negara anggota menyertai pameran lima hari itu yang diadakan sempena sidang kemuncak ketujuh kumpulan itu di sini Isnin ini.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Mesir, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota baru dalam sidang kemuncak kali ini.

Dr Mahathir berkata walaupun kebanyakan daripada mereka yang mengambil kesempatan daripada sikap terbuka ini benar-benar tulen dan serius, ramai pula yang sekadar mahu mengaut keuntungan sehingga memudaratkan pihak lain.

"Mereka tidak peduli sama ada kita menjadi miskin asalkan mereka boleh kaya," katanya.

Mengenai globalisasi dan liberalisasi, Perdana Menteri berkata negara-negara membangun perlu berhati-hati kerana industri mereka belum lagi mampu bersaing dan mengambil kesempatan daripada pelaburan di negara lain.

Membuka pasaran mereka mungkin menyebabkan kemasukan tanpa had barangan serupa dari negara-negara maju yang mampu untuk rugi kerana mereka boleh untung di tempat lain, katanya.

Sebaliknya, negara-negara membangun mungkin tidak mempunyai produk untuk dieksport ke pasaran yang dibuka kepada mereka dan ini memberi kesan buruk kepada kemajuan ekonomi dan industri mereka.

Dr Mahathir berkata ketika dunia sedang menuju ke arah globalisasi dan liberalisasi, yang sebenarnya tidak mempunyai makna yang jelas, negara-negara maju mentakrifnya (globalisasi dan liberalisasi) sebagai penghapusan halangan bagi perdagangan dan pelaburan mereka.

Beliau juga berharap negara-negara G15 akan mengamalkan falsafah dan konsep "memakmurkan jiran kita" kerana asas kumpulan itu menjalin kerjasama dan saling menyokong.

Sebagai negara membangun, kekurangan mereka ialah dalam mendapatkan teknologi dan mereka harus bergabung untuk menikmati pemindahan teknologi dengan cepat dan berkesan.

"Teknologi yang dimajukan oleh negara membangun lebih sesuai kepada negara membangun lain," kata Dr Mahathir sambil berharap agar negara yang mempunyai teknologi supaya mengajar, menyokong dan memindahkan teknologi itu kepada negara yang memerlukannya.

Dr Mahathir juga mencadangkan agar misi perdagangan dianjurkan di kalangan negara G15 agar mereka lebih memahami keperluan masing-masing.

Katanya sebagai sebuah kumpulan, G15 mempunyai penduduk yang ramai dan

itu saja merupakan satu pasaran tersedia untuk pelbagai produk dan perkhidmatan.

Oleh itu, anggota G15 perlu mengambil inisiatif untuk menjalin perkongsian baru dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

"Langkah ini haruslah berterusan dan mereka tidak sepatutnya menunggu acara seperti ini (pameran perdagangan) untuk meninjau peluang perniagaan di negara anggota," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara G15 kini di pelbagai tahap pembangunan dengan projek yang sedang berjalan serta yang dirancangkan dan semua ini boleh dikendalikan oleh syarikat usaha sama yang mempunyai kepakaran serta pengetahuan.

Begitu juga dengan kontraktor kecil, jurutera dan juruteknik, mereka perlu digalak untuk turut mengambil bahagian, katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa bagi Malaysia, dagangannya dengan negara-negara anggota G15 meningkat daripada RM5.86 bilion pada 1990 kepada RM16.72 bilion tahun lepas.

Jumlah dagangan Malaysia dengan G15 tahun lepas merupakan 4.24 peratus daripada dagangan sedunianya.

Dr Mahathir juga berkata pameran itu akan membantu memperkenalkan pelbagai barangan dan perkhidmatan dalam pasaran G15.

"Menghasilkan barangan bertaraf dunia yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa haruslah menjadi matlamat kita," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA MAI